



**KETUA SETIAUSAHA**  
**SECRETARY GENERAL**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**  
**Ministry Of Education Malaysia**  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6072  
Faks : 03-8889 5124  
Laman web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Kami : KPM.UI.S.500-4/20/1(16)  
Tarikh : 25 Mei 2023

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

### SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2023: GARIS PANDUAN PERMOHONAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

#### TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan sebagai panduan berkenaan kaedah pelaksanaan memberi kebenaran pegawai awam yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti politik iaitu sama ada bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam parti politik selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.11 Penglibatan Pegawai Awam Dalam Politik.

#### LATAR BELAKANG

2. Subperaturan 21(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] menjelaskan bahawa seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik, dan khususnya dia tidak boleh:

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
- (b) menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- (c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon pada suatu pilihan raya umum, pilihan raya kecil, atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- (d) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (e) masuk bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- (f) memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

3. Walau bagaimanapun, subperaturan 21(2), P.U.(A) 395/1993 memberikan kelonggaran kepada pegawai dalam Anggota Kumpulan Pelaksana untuk bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik setelah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

4. Subperaturan 21(3), P.U.(A) 395/1993 pula menggariskan bahawa pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan

Profesional yang telah diluluskan bercuti sehingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan kesemua cuti rehat yang terkumpul boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik dengan syarat mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan. Selaras subperaturan 21(4), P.U.(A) 395/1993 menetapkan sesuatu permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan 21(3) hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh pegawai itu dibenarkan bercuti sebelum persaraannya.

5. Peraturan 21 (2A), P.U.(A) 395/1993 pula memperuntukkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga DG48 boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik setelah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Setiausaha KPM terlebih dahulu. Kebenaran ini walau bagaimanapun tidak terpakai kepada Pengetua atau Guru Besar yang bertugas di Institusi Pendidikan serta pegawai yang memegang apa-apa jawatan pentadbiran dalam mana-mana agensi Kerajaan. Ketua Setiausaha KPM tidak boleh mewakilkan kuasanya untuk memberikan kelulusan bertulis itu kepada mana-mana orang lain dan apa-apa keputusannya adalah muktamad.

6. Seseorang pegawai yang telah diterima menjadi ahli biasa mana-mana parti politik adalah dikehendaki untuk memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing seberapa segera berdasarkan subperaturan 21(6), P.U.(A) 395/1993. Pegawai yang menjadi ahli biasa mana-mana parti politik hendaklah memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing dengan mengisi borang JPA (T) 2/96 seperti di **Lampiran E**.

## TAFSIRAN

7. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

**“pegawai”** ertinya semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam / Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan;

**“Ketua Jabatan”** ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu Kementerian, Jabatan, institusi, agensi atau unit dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi Kementerian, Jabatan, institusi, agensi atau unit untuk bertindak bagi pihaknya;

pegawai **“perkhidmatan gunasama”** bermaksud Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Akauntan Negara; dan

pegawai **“perkhidmatan bukan gunasama”** bermaksud Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

## **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

8. Syarat-syarat permohonan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik adalah seperti berikut:

- i. Pegawai hendaklah telah disahkan dalam jawatan;
- ii. Pegawai adalah terdiri daripada Anggota Kumpulan Pelaksana atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga DG48;
- iii. Pegawai tidak memegang sebarang jawatan pentadbiran;
- iv. Pegawai tidak menyandang jawatan latihan (bercuti belajar);

- v. Pegawai hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti senarai semak di **Lampiran B** dan borang permohonan seperti di **Lampiran C atau Lampiran D**;
- vi. Semua dokumen sokongan hendaklah diakui sah oleh Ketua Jabatan masing-masing;
- vii. Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan kepada Unit Integriti KPM melalui Ketua Jabatan masing-masing selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum mengambil bahagian dalam aktiviti politik; dan
- viii. Keputusan Pihak Berkuasa Yang Meluluskan bagi permohonan mengambil bahagian dalam aktiviti politik adalah muktamad.

Carta Alir Proses Permohonan Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Bagi Pegawai-Pegawai Di Bawah KPM seperti di **Lampiran A**.

#### **TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN KETUA JABATAN**

- 9. Ketua Jabatan hendaklah memberi ulasan ke atas permohonan yang dikemukakan oleh pegawai dengan mengambil kira perkara-perkara sebagaimana yang dinyatakan.
- 10. Ketua Jabatan hendaklah bertanggungjawab untuk mengawasi pegawai yang telah diberi kelulusan supaya sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan memastikan tugas-tugas hakiki mereka tidak terjejas.
- 11. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan Laporan Pemantauan setiap enam (6) bulan sekali kepada Unit Integriti KPM. Format Laporan Pemantauan penglibatan pegawai dalam aktiviti politik seperti di **Lampiran F**.

12. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk melaporkan dengan serta merta mana-mana pegawai yang didapati terlibat dalam aktiviti politik tanpa kebenaran Ketua Setiausaha KPM dan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk tindakan selanjutnya.

13. Ketua Jabatan bertanggungjawab memaklumkan secara bertulis kepada Unit Integriti untuk tujuan pembatalan kelulusan sekiranya:

- (a) pegawai berkenaan ditempatkan sama ada secara lateral dan dinaikkan pangkat ke jawatan pentadbiran sama ada di Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah atau di Institusi Pendidikan Guru atau Kolej Matrikulasi atau mana-mana agensi Kerajaan;
- (b) pegawai bersetuju menerima tawaran pemangkuhan (KUP) atau kenaikan pangkat ke Gred DG52 dan ke atas; dan
- (c) pegawai didapati gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan ini dan pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U.(A) 395/1993.

Format Surat Pemakluman Pembatalan Kelulusan Permohonan Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Bagi Pegawai-Pegawai Di Bawah KPM seperti di **Lampiran G**.

## **PIHAK BERKUASA YANG MELULUSKAN**

14. Penentuan sama ada sesuatu permohonan perlu diluluskan berdasarkan kategori pegawai adalah seperti berikut:

<b>Kategori Pegawai</b>	<b>Pihak Berkuasa Yang Meluluskan</b>
Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Gunasama	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Pegawai – pegawai dalam Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

15. Walaubagaimanapun, ulasan dan sokongan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Bukan Gunasama.

## **PENARIKAN BALIK KELULUSAN**

16. Pihak Berkuasa Yang Meluluskan boleh menarik balik kelulusan yang diberi kepada pegawai yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan dan pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

## **PEMBATALAN**

17. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.2 Tahun 2010, Garis Panduan Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil.9 Tahun 2010: Permohonan Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 Hingga DG48 Yang Bertugas Di Institusi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

18. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai bagi semua Pegawai Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama di bawah KPM. Selaras tafsiran dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

19. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini perlu dibaca bersekali dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.11 Penglibatan Pegawai Awam Dalam Politik.

## **TARIKH KUAT KUASA**

20. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2023.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI)

s.k.:

Menteri Pendidikan

Timbalan Menteri Pendidikan

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Dasar dan Kurikulum)

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme)

## **SENARAI EDARAN: BAHAGIAN DI PERINGKAT IBU PEJABAT KPM**


1. Bahagian Akaun
2. Bahagian Audit Sekolah
3. Bahagian GENIUS
4. Bahagian Kewangan
5. Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Bahagian Matrikulasi
7. Bahagian Pembangunan
8. Bahagian Pembangunan Kurikulum
9. Bahagian Pendidikan Islam
10. Bahagian Pendidikan Khas
11. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional
12. Bahagian Pendidikan Swasta
13. Bahagian Pengurusan Aset
14. Bahagian Pengurusan Maklumat
15. Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
16. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
17. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
18. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
19. Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
20. Bahagian Perolehan
21. Bahagian Profesionalisme Guru
22. Bahagian Psikologi dan Kaunseling
23. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
24. Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
25. Bahagian Tajaan Pendidikan
26. Institut Aminuddin Baki
27. Institut Pendidikan Guru Malaysia
28. Jemaah Nazir
29. Lembaga Peperiksaan

30. Unit Audit Dalam
31. Unit Integriti
32. Unit Komunikasi Korporat
33. Unit Undang-Undang

## **SENARAI EDARAN: JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
3. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
4. Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
5. Jabatan Pendidikan Negeri Negeri Sembilan
6. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
7. Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
8. Jabatan Pendidikan Negeri Perak
9. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
10. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
11. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
12. Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
13. Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
14. Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
15. Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan
16. Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Putrajaya

**Carta Alir Proses Permohonan Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Bagi Pegawai-Pegawai di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia**



**SENARAI SEMAK  
BORANG PERMOHONAN UNTUK MENGAMBIL  
BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK BAGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

**SEMAKAN BORANG PERMOHONAN DAN DOKUMEN TAMBAHAN**

Bil.	Dokumen	Catatan	Semakan (✓/✗)
1.	Menggunakan borang permohonan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik seperti berikut:  (a) Borang JPA (T) 1/96 bagi Kumpulan Pelaksana.  (b) Borang JPA (T) 1/10 bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 dan DG48.	2 Salinan	
2.	Semua maklumat di setiap bahagian hendaklah diisi lengkap dan ditandatangani oleh pemohon.	-	
3.	Ulasan Ketua Jabatan dilengkapkan dan ditandatangani.	-	
4.	Gambar terkini pemohon berukuran passport.	2 Keping	
5.	*Salinan Penilaian Prestasi Tahunan pemohon bagi tiga (3) tahun terkini.	2 Salinan	
6.	*Salinan Kad Pengenalan pemohon.	2 Salinan	
7.	*Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang terkini.	2 Salinan	
8.	*Salinan Senarai Tugas pemohon.	2 Salinan	
9.	*Salinan Jadual Mengajar pemohon bagi PPP sahaja.	2 Salinan	

\*Dokumen hendaklah diakui sah.

**PERMOHONAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK**  
*(Diisi dalam 2 salinan)*

**BAHAGIAN I: BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Penuh : .....  
(Huruf Besar)
2. No. Kad Pengenalan .....
3. (i) Tarikh Lahir : .....  
(ii) Umur Pada Tarikh Memohon : .....
4. (i) Gelaran Jawatan : .....  
(ii) Gred Jawatan : .....  
(iii) Taraf Perkhidmatan : Tetap/Percubaan/Kontrak/Sementara (potong yang tidak berkenaan)  
(iv) Skim Perkhidmatan : .....
5. (i) Kementerian : .....  
(ii) Jabatan : .....  
(iii) Alamat Penuh Tempat Bertugas : .....  
.....  
.....
6. (i) Tarikh Lantikan Dalam Perkhidmatan Kerajaan : .....  
(ii) Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan : .....
7. (i) Gaji Bulanan (RM) : .....  
(ii) Elaun (jika ada) : .....
8. (i) Nama Suami/Isteri : .....  
(ii) Pekerjaan : .....

## BAHAGIAN II: JENIS PERMOHONAN

1. Permohonan untuk memegang jawatan dalam parti politik bagi Kumpulan Pelaksana
  2. Permohonan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik semasa bercuti sebelum bersara bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
    - i. Tarikh mula bercuti : .....  
(jika berkaitan)
    - ii. Tarikh kuatkuasa persaraan : .....  
(jika berkaitan)
- (tandakan (✓) mana yang berkenaan)*

## BAHAGIAN III: BUTIR-BUTIR PARTI POLITIK

1. Nama parti politik : .....
2. Bahagian/ Cawangan : .....
3. Nama jawatan yang dipegang : .....

## BAHAGIAN IV: PERAKUAN PEGAWAI

Saya mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan di Bahagian I, II dan III adalah benar.

2. Dengan ini saya memohon kelulusan seperti dinyatakan di Bahagian II dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Tarikh: .....  
(Tandatangan Pegawai)

**BAHAGIAN V: ULASAN KETUA JABATAN**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tarikh

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama : .....

Jawatan/gred : .....

**Bahagian VI : Keputusan**

Tidak Diluluskan

Diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat seperti di Lampiran UP.7.2.11(B)

Tarikh : .....

.....

(Tandatangan)

Nama:

Jawatan:

Nota: Keputusan dibuat oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bagi Pegawai Gunasama dan Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan bagi Pegawai Bukan Gunasama.



## LAMPIRAN UP.7.2.11(B)

### **SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KEPADA PEGAWAI AWAM YANG DILULUSKAN UNTUK BERGIAT DALAM AKTIVITI POLITIK**

1. Kegiatan dalam politik hendaklah tidak mengganggu tugas rasmi sebagai pegawai Kerajaan;
2. Segala kegiatan politik hendaklah dilakukan di luar waktu pejabat;
3. Pegawai hendaklah memohon cuti selaras dengan peraturan yang ditetapkan jika kegiatan politik melibatkan waktu pejabat;
4. Tidak boleh menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah-masalah perkhidmatan demi kepentingan peribadi atau bagi pihak sesuatu kumpulan, pertubuhan, persatuan atau sebagainya;
5. Tidak boleh menggunakan sebarang maklumat rasmi pejabat untuk kegiatan politik;
6. Segala kegiatan politik hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai tatakelakuan dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya; dan
7. Pihak berkuasa yang meluluskan boleh menarik balik kelulusan yang diberi kepada pegawai yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan ini dan pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

*(Catatan: Butir-butir di atas boleh ditambah mengikut keadaan-keadaan lain yang difikirkan perlu)*

**PERMOHONAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM  
AKTIVITI POLITIK PEGAWAI PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN GRED DG41 HINGGA DG48**

Gambar terkini  
(ukuran passport)

**BAHAGIAN 1: BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Penuh (Huruf Besar) : .....
2. Nombor Kad Pengenalan : .....
3. (i) Gelaran Jawatan : .....  
(ii) Gred Jawatan : .....  
(iii) Taraf Perkhidmatan : Tetap/Percubaan/Kontrak/Sementara (potong yang tidak berkenaan)
4. Alamat Penuh Tempat Bertugas : .....  
.....  
.....
5. (i) Tarikh Lantikan Dalam Perkhidmatan Kerajaan  
.....  
(ii) Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan : .....
6. (i) Nama Suami/ Isteri : .....  
(ii) Pekerjaan : .....

**BAHAGIAN II: BUTIR-BUTIR PARTI POLITIK**

1. Nama parti politik : .....
2. Bahagian/ Cawangan : .....
3. Nama jawatan yang dipegang/bertanding : .....  
.....
4. Tempoh kelulusan dipohon mulai ..... hingga .....

Lampiran D  
Borang JPA (T)1/10

**BAHAGIAN III : PERAKUAN PEGAWAI**

1. Saya mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan di Bahagian I dan II adalah benar,
2. Dengan ini saya memohon kelulusan seperti dinyatakan di Bahagian II dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan di **LAMPIRAN UP.7.2.11(G)**, Ceraian UP.7.2.11 Penglibatan Pegawai Awam Dalam Politik.

Tandatangan Pegawai

Tarikh: .....  
( Nama Pegawai )

**BAHAGIAN IV: ULASAN KETUA JABATAN**

**1. PENGARAH IPG/ KOLEJ MATRIKULASI/ PENGETUA/ GURU BESAR/  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tarikh

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama : .....

Jawatan/gred : .....

**2. ULASAN REKTOR IPGM/ PENGARAH IAB/ PENGARAH BAHAGIAN  
MATRIKULASI/ PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Nyatakan markah Penilaian Prestasi Tahunan pegawai bagi 3 tahun yang terkini:

- (i)      Tahun .....      Markah .....
- (ii)     Tahun .....      Markah .....
- (iii)    Tahun .....      Markah .....

.....

Tarikh      (Tandatangan)

Nama : .....

Jawatan/gred : .....

**BAHAGIAN V: KEPUTUSAN KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Diluluskan** tertakluk kepada syarat-syarat di **LAMPIRAN UP.7.2.11(G)**,  
Ceraian UP.7.2.11 Penglibatan Pegawai Awam Dalam Politik

**Tidak diluluskan**

(tandakan (✓) mana yang berkenaan)

Catatan:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tarikh

(Tandatangan)

(Nama : .....)

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia



## LAMPIRAN UP.7.2.11(G)

### SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41 HINGGA DG48 UNTUK BERGIAT DALAM AKTIVITI POLITIK

#### 1. Tatakelakuan Pegawai Awam

Segala kegiatan politik hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai tatakelakuan dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya, termasuk larangan berikut:

- a) Segala kegiatan politik hendaklah dilakukan di luar waktu bertugas;
- b) Kegiatan dalam politik hendaklah tidak mengganggu tugas rasmi sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga DG48;
- c) Tidak boleh menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah-masalah perkhidmatan demi kepentingan peribadi atau bagi pihak sesuatu kumpulan, pertubuhan, persatuan atau sebagainya; dan
- d) Tidak boleh menggunakan sebarang maklumat rasmi Kerajaan, peralatan dan kemudahan pejabat untuk kegiatan politik.

#### 2. Cuti Untuk Aktiviti Politik

Pegawai hendaklah memohon cuti selaras dengan peraturan yang ditetapkan jika kegiatan politik melibatkan waktu bertugas, terhad kepada aktiviti berikut:

- a) menghadiri mesyuarat parti politik di Peringkat Kebangsaan sebagai perwakilan; dan
- b) menghadiri seminar atau bengkel anjuran parti politik, yang membincangkan isu-isu nasional dan pembangunan Negara.

Walau apa pun yang dinyatakan di dalam Perkara 2(a) dan (b) di atas, ia adalah tertakluk kepada persetujuan dan budi bicara Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

#### 3. Pembatalan Dan Penarikan Balik Kelulusan

- a) Kelulusan ini terbatal jika sekiranya pegawai berkenaan ditempatkan sama ada secara lateral dan dinaikkan pangkat ke jawatan pentadbiran sama ada di Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah atau di Institusi Pendidikan Guru atau Kolej Matrikulasi atau mana-mana agensi Kerajaan;
- b) Kelulusan ini juga terbatal sekiranya pegawai bersetuju menerima tawaran pemangkuhan (KUP) atau kenaikan pangkat ke Gred DG52 dan ke atas; dan
- c) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menarik balik kelulusan yang diberi kepada pegawai yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan ini dan pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

**BORANG PEMAKLUMAN KEAHLIAN DALAM PARTI POLITIK**

*(Ketua Jabatan dan Alamat)*

.....  
.....  
.....

Tuan,

**Memaklumkan Keahlian Dalam Parti Politik**

Dengan hormatnya saya (*Nama dan No. K/P*) bertugas sebagai (**Jawatan dan Gred**) di (**Jabatan dan alamat tempat bertugas**) memaklumkan keahlian dalam parti politik berikut:

- (i) Nama Parti Politik : .....
- .....
- (ii) Tarikh mula menjadi ahli : .....
- .....

2. Makluman ini adalah selaras dengan Peraturan 21(6), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

.....

*(Tandatangan)*

( *Nama Pegawai* )

**LAPORAN PEMANTAUAN PENGLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG41 – DG48 DALAM AKTIVITI POLITIK BIL.....TAHUN.....**

JABATAN/ BAHAGIAN /JPN: .....

**BAHAGIAN A: MAKLUMAT ASAS PEGAWAI DAN PARTI POLITIK YANG DICEBURI**

MAKLUMAT ASAS PEGAWAI						MAKLUMAT PARTI POLITIK			
BIL.	NAMA PEGAWAI & DAN NO KAD PENGENALAN	GRED TERKINI PEGAWAI	NAMA DAN GRED JAWATAN TERKINI YANG DISANDANG	TEMPAT BERTUGAS	JAWATAN POLITIK YANG DIPEGANG	PERINGKAT (CAWANGAN/ BAHAGIAN/ DLL)	NAMA PARTI POLITIK	TEMPOH KELULUSAN (NYATAKAN TAHUN)	STATUS (AKTIF/ TIDAK AKTIF)
Contoh 1:	Ahmad bin Abu Bakar (740101-05-0109)	DG48 (KUP)	Guru Kanan Mata Pelajaran (Gred DG44)	SMK XYZ	Ketua Pemuda	Cawangan EFG	UMNO	2010-2012	Aktif
Contoh 2:	Chan Kim Lee (700101-01-5108)	DG44	Pensyarah (DG 44)	Kolej Matrikulasi ABC	Ketua Wanita/ Setiausaha	Cawangan LMN/ Bahagian XYZ	MCA	2010-2011	Tidak Aktif (tidak Berjaya menyandang jawatan yang ditandingi)

\*Status (Aktif/ Tidak aktif) merujuk kepada status sana ada pegawai masih memegang jawatan politik atau telah meletakkan jawatan yang diluluskan atau terbaik kelulusannya seperti yang ditetapkan di para 8.1 Surat Pekeliling ini

**LAPORAN PEMANTAUAN PENGLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG41 – DG48 DALAM AKTIVITI POLITIK BIL.....TAHUN.....**

**BAHAGIAN B: MAKLUMAT PRESTASI PEGAWAI**

<b>MAKLUMAT ASAS PEGAWAI</b> (Maklumat Pegawai di Bahagian B = Bahagian A)					<b>MAKLUMAT PRESTASI PEGAWAI</b>			
BIL.	NAMA PEGAWAI & DAN NO KAD PENGENALAN	GRED TERKINI PEGAWAI	TEMPAT BERTUGAS	JUMLAH WAKTU MENGAJAR PEGAWAI YANG DITINGGALKAN BAGI TUJUAN POLITIK	MARKAH LNPT PEGAWAI		ULASAN KETUA JABATAN (Nyatakan sebarang masalah/ aduan/ perlenggaran terhadap syarat-syarat yang ditetapkan sekiranya ada)	
					2010	2011		
Contoh 1:								
Ahmad bin Abu Bakar (740101-05-0109)	DG48 (KUP)	SMK XYZ	15 Waktu	85.1	-	-	Pegawai didapati sering meninggalkan kelas bagi urusan politik	
Contoh 2:								
Chan Kim Lee (700101-01-5108)	DG44	Kolej Matrikulasi ABC	Tidak berkaitan	-	-	-	Tiada	

DISEDIAKAN OLEH:

.....  
(URUS SETIA BAHAGIAN/JPN)

DISAHKAN OLEH:

.....  
(KETUA JABATAN)

Lampiran G


Ketua Unit Integriti  
Aras 12 Blok E12  
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tuan,

**PEMAKLUMAN PEMBATALAN KELULUSAN PERMOHONAN MENGAMBIL  
BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK**


Dengan hormatnya saya merujuk perkara seperti di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, .....  
(Nama Pegawai)  
(Nomor Kad Pengenalan)  
.....  
(Tempat Bertugas).....telah diluluskan permohonan mengambil  
bahagian dalam aktiviti politik pada..... Walau bagaimanapun pegawai  
didapati telah:




ditempatkan secara \***lateral/ dinaikkan pangkat** ke jawatan  
pentadbiran di.....  
(Nyatakan Tempat Bertugas)

**(Disertakan salinan Surat Penempatan pegawai).**



bersetuju menerima tawaran \***pemangkuhan (KUP)/ kenaikan  
pangkat** ke Gred.....  
(Nyatakan Gred)

**(Disertakan salinan Surat Pemangkuhan/ Naik Pangkat pegawai).**



gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan dilaporkan untuk  
tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam  
(Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

**(Disertakan salinan laporan siasatan/ tatatertib).**

(\*potong mana-mana yang berkenaan).

3. Justeru, dikemukakan untuk makluman dan pembatalan kelulusan permohonan  
mengambil bahagian dalam aktiviti politik pegawai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(Nama Pegawai)

Jawatan

Jabatan/Bahagian